

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL
TERAPI BATIKRIA UNTUK REGULASI EMOSI
MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS
DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS
INTEGRASI**

NORAZIYANAH BINTI MD JAIS

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL
TERAPI BATIKRIA UNTUK REGULASI EMOSI
MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS
DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS
INTEGRASI**

oleh

NORAZIYANAH BINTI MD JAIS

**Tesis diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2025

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah SWT, dengan IzinNya saya dapat menyempurnakan penulisan tesis PhD Modul Terapi BatikRia untuk Regulasi Emosi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dalam Program Pendidikan Khas Integrasi hingga ke bab yang terakhir. Jutaan terima kasih didedikasikan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia atas penganugerahan Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa. Sokongan ini amat penting dalam menjayakan pengajian saya. Terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia kerana menerima saya sebagai pelajar PhD serta kepada semua panel penilai prospektus, pembentangan proposal, pra-viva dan viva atas panduan dan bimbingan yang membina. Setinggi penghargaan untuk Penyelia Utama saya, Prof. Madya Dr. Low Hui Min, yang sentiasa memberi bimbingan sehingga tamat pengajian. Terima kasih juga kepada Penyelia Bersama, Prof. Madya Dr. Aswati Hamzah, yang memperkenalkan saya kepada dunia Psikologi Pendidikan dan Penyelia utama. Gabungan kepakaran mereka telah menjadi tunjang kepada penghasilan Modul BatikRia, yang kemudiannya berjaya meraih Anugerah Platinum dalam pertandingan inovasi antarabangsa. Tidak dilupakan, suami tercinta, Fahmi bin Idris, atas dorongan dan semangat sejak permohonan HLP sehingga ke hari ini. Kepada anak saya, Nur Fayha, terima kasih kerana “memahami” kesibukan ibu. Semoga suatu hari nanti, Nur Fayha dapat mengikuti jejak ini dengan lebih cemerlang, insyaAllah. Kepada keluarga, responden kajian, panel pakar modul, semua staf USM, staf KPM, BPKHAS, JPN, PPD, Pentadbir sekolah, sumbangan kalian amat dihargai. Terima kasih warga SK Sungai Karangan, tempat saya berkhidmat selepas tamat cuti belajar pada Mac 2024, atas sokongan yang diberikan. Semoga penulisan ilmiah ini memberikan manfaat kepada semua yang membaca.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI SINGKATAN.....	xiv
ABSTRAK.....	xvi
ABSTRACT.....	xviii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	4
1.2.1 Faktor Masalah Regulasi Emosi.....	5
1.2.2 Kesan Masalah Regulasi Emosi.....	7
1.2.3 Aktiviti Yang Sedang dijalankan di Sekolah.....	9
1.2.4 Modul Regulasi Emosi dan Modul Terapi BatikRia.....	10
1.3 Pernyataan Masalah.....	11
1.4 Tujuan Kajian.....	13
1.5 Objektif Kajian.....	13
1.6 Persoalan Kajian.....	15
1.7 Rasional Kajian.....	17
1.8 Kepentingan Kajian.....	21
1.9 Batasan Kajian.....	23
1.10 Definisi Istilah Operasional.....	23
1.10.1 Batik.....	23

1.10.2 Terapi Batik.....	23
1.10.3 Regulasi Emosi.....	24
1.10.4 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.....	24
1.10.5 Pengetahuan Guru Tentang Regulasi Emosi	25
1.10.6 Kesedaran Guru Tentang Regulasi Emosi.....	25
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	27
2.1 Pengenalan.....	27
2.2 Regulasi Emosi.....	27
2.3 Kurikulum Pendidikan Khas.....	31
2.4 Pengenalan Kepada Seni Batik.....	35
2.4.1 Sejarah Seni Batik Umum.....	36
2.4.2 Sejarah Seni Batik Asia Tenggara.....	37
2.4.3 Teknik Batik.....	39
2.4.4 Motif Batik.....	45
2.5 Kesan Terapi Seni dan Terapi Seni Batik Terhadap Regulasi Emosi.....	46
2.6 Unsur Seni dan Psikologi.....	47
2.6.1 Unsur Seni Garisan dan Psikologi.....	47
2.6.2 Unsur Seni Warna dan Psikologi.....	50
2.6.3 Unsur Bentuk dan Psikologi.....	52
2.7 Kajian Lepas.....	53
2.71 Kajian lepas terapi seni batik dan regulasi emosi.....	54
2.8 Teori dan Model.....	55
2.8.1 Model Empat Cabang.....	55

2.8.2	Teori Terbina Emosi.....	59
2.9	Kerangka Teori.....	60
2.10	Kerangka Konseptual Kajian.....	63
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	63
3.1	Pengenalan.....	63
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	63
3.3	Fasa Satu: Analisis Keperluan.....	66
3.4	Fasa Dua: Reka Bentuk dan Pembangunan.....	78
3.5	Fasa Tiga: Penilaian.....	88
BAB 4	PEMBINAAN MODUL INTERVENSI TERAPI	
	BATIKRIA.....	99
4.1	Pengenalan.....	99
4.2	Fasa Satu: Analisis Keperluan.....	100
4.2.1	Dapatan Persoalan Kajian 1.....	104
4.2.2	Dapatan Persoalan Kajian 2.....	107
4.2.3	Dapatan Persoalan Kajian 3.....	111
4.2.4	Rumusan Dapatan Fasa 1: Analisis Keperluan.....	113
4.3	Fasa Dua: Reka Bentuk dan Pembangunan.....	114
4.3.1	Dapatan Persoalan Kajian 4.....	116
4.4	Reka Bentuk dan Pembangunan Modul Terapi BatikRia.....	121
4.5	Dapatan Persoalan Kajian 5: Penilaian Kesahan Modul Terapi BatikRia.....	132
BAB 5	DAPATAN KAJIAN FASA 3: PENILAIAN.....	139
5.1	Pengenalan.....	139
5.2	Dapatan Fasa Tiga: Penilaian.....	140

5.2.1	Demografi Peserta Kajian.....	141
5.3	Dapatan Persoalan Kajian 6.....	143
5.3.1	Dapatan Persoalan Kajian 6a.....	143
5.3.2	Dapatan persoalan Kajian 6b.....	146
5.4	Dapatan Persoalan Kajian 7.....	150
5.5	Data Kualitatif untuk Triangulasi.....	154
5.6	Dapatan Persoalan Kajian 8.....	159
5.6.1	Dapatan Persoalan Kajian 8a.....	159
5.6.2	Dapatan Persoalan Kajian 8b.....	165
BAB 6	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN.....	171
6.1	Pengenalan.....	171
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan.....	171
6.2.1	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 1:	
	Analisis Keperluan.....	172
6.2.1(a)	Perbincangan Dapatan Persoalan 1.....	172
6.2.1(b)	Perbincangan Dapatan Persoalan 2.....	173
6.2.1(c)	Perbincangan Dapatan Persoalan 3.....	174
6.2.2	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan.....	176
6.2.3	Perbincangan Dapatan Persoalan 5.....	185
6.2.4	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 3: Penilaian.....	185
6.2.4(a)	Perbincangan Dapatan Persoalan 6a.....	186
6.2.4(b)	Perbincangan Dapatan Persoalan 6b.....	187
6.2.5	Perbincangan Dapatan Persoalan 7.....	187

6.2.6	Perbincangan Dapatan Persoalan 8.....	188
6.2.6(a)	Perbincangan Dapatan Persoalan 8a.....	188
6.2.6(b)	Perbincangan Dapatan Persoalan 8b.....	189
6.3	Implikasi Kajian.....	191
6.3.1	Implikasi Kepada Amalan Pengajaran Guru.....	191
6.3.2	Implikasi Kepada Perkembangan Ilmu.....	192
6.3.3	Implikasi Kepada Pembelajaran Murid.....	193
6.3.4	Implikasi Kepada Kurikulum Pendidikan Khas.....	194
6.3.5	Implikasi Kepada Kementerian pendidikan Malaysia.....	195
6.3.6	Implikasi Kepada Model.....	196
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan.....	197
6.5	Kesimpulan.....	198
	RUJUKAN.....	200

SENARAI LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Ringkasan Teknik Batik.....	41
Jadual 2.2 Perkaitan Emosi Tertentu Dan Warna Dalam Setiap Kumpulan Umur.....	51
Jadual 3.1 Rumusan Perbandingan Jenis Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan.....	64
Jadual 3.2 Kriteria pemilihan dan penolakan subjek.....	68
Jadual 3.3 Persampelan Kajian Analisis Keperluan.....	69
Jadual 3.4 Bilangan Item Bagi Setiap Konstruk.....	70
Jadual 3.5 Interpretasi Skor Min.....	73
Jadual 3.6 Pengesahan Kajian Rintis Kesahan Pakar Kandungan..... Bahasa dan Psikometrik	76
Jadual 3.7 Rumusan Kajian Rintis Kesahan Muka.....	77
Jadual 3.8 Skala Aras Persetujuan.....	82
Jadual 3.9 Persampelan Kajian Pembangunan Modul.....	85
Jadual 3.10 Persampelan Kajian Implimentasi dan Penilaian.....	92
Jadual 3.11 Bilangan Item Bagi Setiap Konstruk Senarai Semak Kawalan emosi ECRM.....	94
Jadual 4.1 Demografi Peserta Kajian Fasa 1.....	101
Jadual 4.2 Analisis Tahap Pengetahuan Kaedah Pengajaran Regulasi Emosi Dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas.....	105
Jadual 4.3 Skor Min Sumber Pengetahuan Kaedah Pengajaran Regulasi Emosi.....	109

Jadual 4.4	Skor Min Tahap Kesedaran guru pendidikan khas.....	112
	Terhadap Faedah Regulasi Emosi	
Jadual 4.5	Maklumat Demografi Pakar Fuzzy Delphi.....	115
Jadual 4.6	Objektif modul Terapi BatikRia	117
Jadual 4.7	Isi Kandungan modul Terapi BatikRia Berdasarkan.....	118
	Model Empat Cabang	
Jadual 4.8	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Modul Terapi BatikRia...	119
Jadual 4.9	Aktiviti Modul Terapi BatikRia.....	120
Jadual 4.10	Kaedah Penilaian Modul Terapi BatikRia.....	121
Jadual 4.11	Elemen Seni Dan Psikologi Modul Terapi BatikRia.....	121
Jadual 4.12	Penerapan Domain Mengenali Emosi Dalam Modul Terapi BatikRia.....	125
Jadual 4.13	Penerapan Domain Menggunakan Emosi Dalam Modul Terapi BatikRia.....	127
Jadual 4.14	Penerapan Domain Memahami Emosi Dalam Modul Terapi BatikRia.....	130
Jadual 4.15	Penerapan Domain Menguruskani Emosi Dalam Modul Terapi BatikRia.....	132
Jadual 4.16	Maklumat Demografi Pakar Penilai Kesahan Modul.....	133
Jadual 4.17	Nilai Min Setiap Konstruk.....	134
Jadual 4.18	Komen Pakar Dan Cadangan Pakar.....	136
Jadual 5.1	Maklumat Demografi Peserta Kajian Fasa 3 Intervensi Modul Terapi Batikria.....	141

Jadual 5.2	Kategori Emosi Peserta Kajian Fasa 3.....	142
Jadual 5.3	Dapatan Min dan Sisihan Piawai Ujian Pra dan Ujian Pasca Domain Regulasi Emosi.....	144
Jadual 5.4	Dapatan Min dan Sisihan Piawai Ujian Pra dan Ujian Pasca Labiliti Negatif.....	147
Jadual 5.5	Maklumat Demografi Guru Pembimbing Intervensi Modul Terapi BatikRia.....	151
Jadual 5.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Kebolegunaan Modul Terapi BatikRia.....	153
Jadual 5.7	Demografi Guru Temubual.....	157
Jadual 5.8	Rumusan Dapatan Kualitatif.....	168

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Analisis Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah
	Pengurusan Kehidupan Fokus Pengurusan Diri..... 34
Rajah 2.2	Perbandingan Batik Zaman Purba Indonesia dan Sebelum..... 39
Rajah 2.3	Teknik Penghasilan Batik..... 40
Rajah 2.4	Lambang Garisan Yang Mewakili Emosi..... 48
Rajah 2.5	Makna bagi bentuk..... 52
Rajah 2.6	Model Empat Cabang Mayer dan Salovey..... 57
Rajah 2.7	Teori Terbina Emosi Barret..... 58
Rajah 2.8	Kerangka Teori..... 60
Rajah 2.9	Kerangka Konseptual Kajian..... 61
Rajah 3.1	Rumusan Kerangka Metodologi Kajian..... 65
Rajah 3.2	Langkah Pelaksanaan Teknik Fuzzy Delphi..... 80
Rajah 3.3	Aras Persetujuan Skala Fuzzy..... 87
Rajah 3.4	Formula Penentuan Jarak Di Antara Dua Nombor Fuzzy..... 88
Rajah 3.5	Carta Alir Penilaian..... 89
Rajah 3.6	Carta Alir Pelaksanaan Intervensi Terapi Batik..... 96
Rajah 4.1	Skop kajian fasa 1 Analisis Keperluan dan Fasa 2
	Reka Bentuk dan Pembangunan..... 100
Rajah 4.2	Bab 1: Pengenalan Kepada Modul Terapi BatikRia..... 123
Rajah 4.3	Elemen utama modul Terapi BatikRia
	(Model Empat Cabang)..... 123

Rajah 4.4	Domain 1: Mengenali emosi.....	125
Rajah 4.5	Domain 1: Emosi Asas.....	125
Rajah 4.6	Domain 2: Menggunakan emosi.....	126
Rajah 4.7	Diagram Pelaksanaan Modul Terapi Batikria Minggu Ke 4.....	128
Rajah 4.8	Domain 3: Memahami Emosi.....	129
Rajah 4.9	Domain 4: Menguruskan Emosi.....	131
Rajah 5.1	Perubahan Min Untuk Domain Regulasi Emosi, n=15.....	146
Rajah 5.2	Perubahan Min Untuk Domain Labiliti/Negatif, n=15.....	149
Rajah 5.3	Tema Tembubual Tidak Berstruktur Persoalan Kajian 8a.....	164
Rajah 5.4	Tema Tembubual Tidak Berstruktur Persoalan Kajian 8b.....	169

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
ERC-M	Emotion Regulation Checklist Versi Melayu
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
LINUS	Literasi dan Numerasi
EQ	Emotional Quotient (Kecerdasan Emosi)
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
BPKKPM	Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
DERS	The Difficulties in Emotion Regulation Scale
DDR	Design And Developmental Research (Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan)
SPSS	Statistical Package for the Social Science
FDM	Fuzzy Delphi Method
MKK_CIP	Modul Kesyediaan Kerjaya_Cognitive Information Processing –
PAK 21	Pembelajaran Abad ke 21
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Soal Selidik Analisis Keperluan Fasa 1
Lampiran B	Senarai Semak Pengesahan Pakar Instrumen Fasa 1
Lampiran C	Senarai Semak Pengesahan Peserta Kajian Instrumen Fasa 1
Lampiran D	Lampiran Draft Instrumen Kajian Pembangunan Modul Fasa 1
Lampiran E	Lampiran Instrumen Fasa 3
Lampiran F	Lampiran Instrumen Ujian Kepenggunaan Fasa 3
Lampiran G	Permohonan Penggunaan Instrumen
Lampiran H	Rancangan Pengajaran Harian Modul Terapi BatikRia

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL TERAPI BATIKRIA UNTUK
REGULASI EMOSI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS
DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI**

ABSTRAK

Kajian ini meneliti keberkesanan modul Terapi BatikRia dalam meningkatkan kemahiran regulasi emosi dalam kalangan murid berkeperluan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi. Regulasi emosi merupakan kemahiran penting bagi murid yang menghadapi masalah emosi dan tingkah laku kerana ia menyokong proses pembelajaran dan penyesuaian mereka di sekolah. Guru pendidikan khas memainkan peranan utama dalam membimbing murid mengurus emosi, namun sering kali memerlukan sumber pengajaran yang lebih tersusun dan praktikal. Bagi memenuhi keperluan ini, modul Terapi BatikRia telah dibangunkan berasaskan Model Empat Cabang Kecerdasan Emosi oleh Mayer dan Salovey (1997), yang merangkumi empat komponen utama: mengenal pasti emosi, memahami emosi, menggunakan emosi, dan mengurus emosi. Modul ini turut menggabungkan elemen seni seperti warna, bentuk, dan garisan sebagai medium untuk membantu murid meluahkan dan memahami emosi mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research – DDR) yang melibatkan tiga fasa utama: analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan modul, serta pelaksanaan dan penilaian. Sebanyak lapan objektif kajian telah digariskan, termasuk menilai pengetahuan, sumber maklumat, dan tahap kesedaran guru terhadap strategi pengajaran regulasi emosi, serta menilai struktur, kebolehlaksanaan, kebolegunaan, dan impak modul. Kajian ini menggunakan gabungan Teknik Fuzzy Delphi, kaedah kuantitatif (penilaian pra dan pasca intervensi), dan maklum balas kualitatif melalui temu bual guru. Fasa intervensi melibatkan murid berkeperluan khas yang dikenal

pasti mempunyai masalah regulasi emosi. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam keupayaan kawalan emosi dan pengurangan ketidakstabilan emosi dalam kalangan murid yang mengikuti intervensi. Guru turut melaporkan bahawa modul ini praktikal, mudah digunakan dan sesuai untuk digunakan dalam bilik darjah. Secara keseluruhan, modul Terapi BatikRia merupakan satu sumber yang berpotensi tinggi untuk menyokong perkembangan emosi murid berkeperluan khas dan boleh dimanfaatkan secara meluas dalam intervensi pendidikan khas di sekolah.

**DEVELOPMENT AND ASSESSMENT OF BATIKRIA THERAPY MODULE
FOR EMOTIONAL REGULATION AMONG STUDENTS WITH SPECIAL
EDUCATIONAL NEEDS AT INTEGRATED SPECIAL EDUCATION
PROGRAM**

ABSTRACT

This study investigates the effectiveness of the Terapi BatikRia module in improving emotional regulation among students with special needs in the Integrated Special Education Program. Emotional regulation is an essential skill for students with emotional and behavioral difficulties, as it supports their overall learning and adjustment in school. Special education teachers play a critical role in guiding these students, yet often require more structured and practical resources to effectively teach emotional skills. To address this gap, the Terapi BatikRia module was developed based on the Four-Branch Model of Emotional Intelligence by Mayer and Salovey (1997), which includes four core components: recognizing emotions, understanding emotions, using emotions, and managing emotions. The module uniquely integrates artistic elements—color, shape, and line—as tools for emotional expression and self-awareness. This study adopted a Design and Development Research (DDR) approach consisting of three phases: needs analysis, design and development of the module, and implementation and evaluation. Eight research objectives guided the study, including assessments of teachers' knowledge, sources of information, awareness of emotional teaching strategies, and evaluation of the module's structure, feasibility, usability, and impact. A combination of Fuzzy Delphi technique, quantitative methods (pre- and post-intervention assessments), and qualitative feedback (interviews with teachers) was employed. The intervention phase involved students with

special needs who exhibited emotional regulation challenges. Results demonstrated improvements in emotional control and reduced emotional instability among the participating students. Teachers also reported that the module was practical, engaging, and suitable for classroom use. The findings suggest that Terapi BatikRia is a valuable resource for supporting emotional development in special education, with implications for wider adoption and future enhancement in school-based interventions.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Keseimbangan emosi adalah aspek utama kepada persediaan proses pembelajaran. Goleman (1998) menyatakan bahawa kemahiran regulasi emosi merupakan perkara penting untuk memperoleh kecerdasan kognitif. Beliau berpendapat, sekiranya terdapat kerosakan pada kefungsi otak seseorang untuk meregulasi emosi, faktor ini akan menjejaskan kecerdasan kognitif. Hal ini disokong oleh, Mohd Zin dan Mydin Kutty (2025) yang menyatakan bahawa antara faktor penyumbang kegagalan dalam akademik adalah berpunca daripada kesukaran kanak-kanak mengurus dan mengawal emosi mereka. Namun begitu, kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas antara golongan yang mempunyai gangguan perkembangan neuro dan kecenderungan ini mewujudkan masalah kepada mereka untuk meregulasi emosi (Mei Qi & Nordin, 2023).

Menurut Sawai et al. (2020), regulasi emosi boleh dilakukan secara sendiri atau dengan sokongan orang lain. Namun, keupayaan untuk mengurus emosi secara sendiri adalah amat penting bagi murid berkeperluan pendidikan khas. Surat dan Maarof (2023) mendefinisikan regulasi emosi sebagai keupayaan seseorang untuk mengendalikan emosinya—bermula daripada kesedaran terhadap emosi yang dirasai sehinggalah kepada keupayaan untuk mengekspresi atau mengawalnya mengikut kesesuaian situasi. Kemahiran ini penting kerana ia membantu kanak-kanak membina hubungan yang positif dengan orang lain melalui keupayaan meluahkan dan mengawal emosi dengan cara yang sesuai.

Berdasarkan Senarai Semak Kawalan Emosi (Jamal et al. 2021), domain regulasi emosi terbahagi kepada dua iaitu domain regulasi emosi dan domain labiliti negatif. Domain regulasi emosi merujuk kepada kemampuan seseorang untuk menunjukkan emosi berdasarkan keadaan, mampu memahami emosi orang lain dan boleh berasa empati. Manakala domain labiliti negatif digambarkan terhadap seseorang yang tidak boleh menerima perubahan di sekelilingnya dan tidak mampu mengawal emosi negatif sehingga mengakibatkan kemarahan yang melampau (Shields & Cicchetti, 1997). Kedua-dua domain ini diberi penekanan dalam kajian ini bagi menilai keberkesanan modul Terapi BatikRia terhadap regulasi emosi murid berkeperluan khas. Domain labiliti negatif dipilih kerana ia mencerminkan kesediaan emosi murid untuk menerima arahan dan menghadapi situasi pembelajaran, manakala domain regulasi emosi pula penting untuk menilai keupayaan murid menyesuaikan emosi dalam interaksi sosial harian di sekolah.

Abdullah dan Omar (2018) menyatakan murid berkeperluan pendidikan khas berbeza daripada kanak-kanak normal dari segi keupayaan mental, keupayaan deria, ciri-ciri saraf, otot, fizikal, tingkah laku sosial, emosi keupayaan komunikasi dan pelbagai kekurangan. Kementerian Pendidikan Malaysia (2023) telah mengkategorikan murid berkeperluan pendidikan khas kepada enam kategori iaitu, Kurang Upaya Penglihatan, Kurang Upaya Pendengaran, Kurang Upaya Pertuturan, Kurang Upaya Fizikal, Kurang Upaya Pembelajaran, dan Kurang Upaya Pelbagai. Di Malaysia, Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685) yang mendefinisikan golongan keperluan khas adalah individu yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual mahupun deria. Selain itu, Akta Pelajaran (1996) mendefinisikan murid berkeperluan pendidikan khas sebagai kategori murid dengan masalah pembelajaran, seperti penglihatan,

pendengaran, pertuturan, Sindrom Down, Autisme, Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif, Kerencatan Mental dan Disleksia.

Kajian ini memfokuskan kepada murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran iaitu Autism, Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif, Lembam, Kurang Upaya Mental dan Cerebral Palsy yang mempunyai masalah untuk meregulasi emosi marah, sedih dan bimbang. Sebuah intervensi regulasi emosi yang mengintegrasikan subjek pengurusan diri (pengurusan emosi) dan aktiviti kraf batik pendidikan seni visual yang dipanggil Terapi BaktiRia telah diusulkan untuk kajian ini. Keunikan kajian ini adalah berfokus kepada seni batik yang bukan sahaja terkandung dalam kurikulum pendidikan seni visual dalam sistem pendidikan Malaysia, bahkan seni batik adalah satu warisan budaya Malaysia dan menjadi fesyen nusantara. Proses penghasilan batik yang tersusun serta dilakukan secara berulang kali dengan daya tumpuan yang tinggi serta berdisiplin dan sabar telah dikenal pasti oleh pengkaji lepas sebagai satu intervensi menggunakan kemahiran seni bagi pengurusan emosi (Mukhlis, 2011; Putri et al. 2014). Kajian lepas oleh Mukhlis (2011) melaporkan dapatan kajian berkenaan seni batik canting untuk banduan yang mengalami depresi. Manakala, Putri et al. (2004) telah mengkaji kesan aktiviti membatik dalam kalangan murid sekolah menengah. Dapatan bagi kedua-dua kajian ini menunjukkan proses penghasilan batik mempunyai kefungsiannya sebagai terapi untuk membolehkan peserta kajian meluahkan dan mengawal emosi mereka. Namun, mengikut dapatan tinjauan literatur yang telah dijalankan, didapati masih belum ada kajian berkenaan terapi batik untuk murid berkeperluan pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi pada tahap sekolah rendah. Bahkan, topik pengurusan emosi dalam subjek pengurusan diri adalah terhad. Namun begitu, murid berkeperluan pendidikan khas memerlukan panduan untuk menguruskan emosi negatif mereka. Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk menghasilkan satu

modul terapi BatikRia untuk regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah rendah dan mengkaji keberkesanan pelaksanaan terapi batik berdasarkan modul ini. Rangka modul ini dibina berasaskan kepada Model Empat Cabang yang diusulkan oleh Mayer dan Salovey (1997). Model ini mempunyai empat domain, iaitu mengenalpasti emosi, menggunakan emosi dalam pemikiran, memahami emosi, dan menguruskan emosi. Empat domain ini dijadikan rangka teori untuk merancang aktiviti regulasi emosi dalam modul Terapi BatikRia. Modul ini juga mempraktikkan makna psikologi seni warna, seni garisan dan seni bentuk yang positif bagi mewujudkan emosi yang baik dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas yang mempunyai masalah untuk meregulasi emosi mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Emosi positif dapat membina hubungan yang baik manakala emosi negatif mewujudkan ketidakselesaan semasa bersosialisasi. Menurut Ratnam et al. (2018) kemahiran pengurusan emosi dan meluahkan perasaan mengikut situasi sosial amat penting bagi seseorang dalam mengekalkan hubungan dengan orang lain. Ladd dan Troop-Gordon (2010) mendapati bahawa kanak-kanak yang agresif lebih cenderung untuk tidak bersahabat dan dipinggirkan oleh rakan sebayanya. De Boer et al. (2012) dalam kajian mereka menjelaskan sikap negatif boleh memberi kesan buruk terhadap murid berkeperluan pendidikan khas, menyebabkan mereka mengalami kesepian, kekurangan rakan dan berpotensi menjadi mangsa buli. Secara am, sosio-emosi negatif murid berkeperluan pendidikan khas boleh ditangani melalui pendidikan regulasi emosi. Ibrahim (2020) menggesa guru pendidikan khas supaya bijak tangani emosi murid dengan menjalankan aktiviti santai seperti perbualan, permainan atau lukisan yang dapat mempengaruhi emosi murid berkeperluan pendidikan khas.

1.2.1 Faktor Masalah Regulasi Emosi

Pelbagai faktor mungkin menyebabkan masalah regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas. Antaranya, faktor neurologi, faktor umur, faktor penyingkiran sosial daripada rakan sebaya, faktor ibu bapa, dan faktor guru pendidikan khas. Menurut Sulaiman (2013) masalah tingkah laku negatif murid mungkin berpunca daripada masalah persekitaran suasana pengajaran membosankan, masalah disiplin, dan masalah keluarga.

Pertama sekali, faktor neurologi berpunca daripada kelainan pada fungsi otak yang mungkin menyebabkan murid berkeperluan pendidikan khas, seperti murid autisme dan murid yang kurang daya tumpuan dan hiperaktif mengalami masalah emosi dan tingkah laku. (Daulay, 2017; Carlson, 2011; Stefanatos dan Baron, 2011; Bauman dan Kemper, 1994; Wahab, 2015) menyatakan kanak-kanak autisme mengalami gangguan perkembangan kerana keabnormalan dalam struktur dan biokimia otak pada struktur otak korteks hadapan, korteks temporal, hippocampus dan amigdala yang berfungsi kepada kemahiran komunikasi dan sosial manakala kelainan kefungsihan bahagian otak serebrum, korteks serebrum dan limbik juga mungkin memberi impak terhadap tingkah laku, perhatian, pergerakan dan pengaturan emosi. Contohnya, murid sindrom kurang daya tumpuan dan hiperaktif sukar untuk mengawal sesuatu tindakan kerana ketidakseimbangan sistem neuro otak.

Faktor kedua adalah umur murid berkeperluan pendidikan khas tidak seiring perkembangan dan pertumbuhan kognitif dan emosi. Ghafar dan Jaya (2006) menyatakan murid berkeperluan pendidikan khas dilabelkan sebagai istimewa kerana perbezaan pada pertumbuhan dan perkembangan diri mereka dari aspek fizikal, otak, emosi, sosialisasi yang berlainan daripada pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak tipikal. Kelainan ini mungkin mengakibatkan murid

berkeperluan khas mengalami gangguan dan kelewatan dalam perkembangan regulasi emosi (Jais et al. 2021).

Faktor ketiga adalah penyingkiran sosial daripada rakan sebaya yang lain. Contoh, masalah psikologi dalam kalangan kanak-kanak berpunca daripada tingkah laku negatif seperti agresif yang mengakibatkan rakan sebaya tidak mahu menjalinkan persahabatan bersama mereka (Ladd dan Troop-Gordon, 2010). Murid yang mempunyai tingkah laku yang baik lebih mudah diterima oleh rakan sebaya dalam komuniti pergaulan sosial mereka, manakala mereka yang mempunyai masalah regulasi emosi dan yang cenderung untuk menunjukkan tingkah laku yang bermasalah menyebabkan orang lain sukar menerima mereka dalam pergaulan sosial (Jamil, 2010). Seterusnya, faktor keempat adalah faktor ibu bapa kerana kanak-kanak sering menjadikan sikap ibu bapa sebagai panduan sehingga mampu mempengaruhi perkembangan sosio-emosi mereka. (Maccoby dan Martin, 1983). Hal ini kerana, dunia kanak-kanak adalah lebih banyak bersama ibu bapa dan setiap keputusan terhadap masa depan mereka yang dilakukan oleh ibu bapa, secara tidak langsung memberi impak terhadap perkembangan kemahiran sosial, adaptif, komunikasi dan tingkah laku anak (Nasir dan Mansor, 2019; Toran, 2017; Amin et al. 2016). Ibu bapa yang kurang pengetahuan berkaitan kaedah pengurusan emosi anak berkeperluan khas mungkin menyebabkan wujudnya masalah regulasi emosi. Hal ini dipersetujui oleh Md Isa dan Abu Bakar (2021) yang menegaskan bahwa, ibu bapa yang menguasai ilmu pengurusan emosi mampu membimbing anak-anak mereka untuk mengendalikan emosi dengan baik. Faktor kelima adalah faktor guru pendidikan khas. Setakat ini, kebanyakan guru tidak mendapat latihan dalam pengurusan emosi murid. Kebanyakan guru pelatih hanya memperoleh kemahiran pengurusan emosi murid melalui pengalaman, kolaboratif bersama guru dan pentadbir sekolah (Amran et al. 2019). Memandangkan murid berkeperluan

pendidikan khas lebih berisiko untuk mengalami masalah regulasi emosi, keadaan ini menyebabkan guru pendidikan khas lebih terdedah kepada tekanan dan mudah tidak berpuas hati terhadap pekerjaan mereka berbanding guru aliran perdana (Koenen et al. 2017). Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada kecekapan dan kemahiran guru untuk mengajar, malahan kemahiran guru untuk membantu murid membina kebolehan regulasi emosi dan tingkah laku yang baik (Idris, 2010)

1.2.1 Kesan Masalah Regulasi Emosi

Berdasarkan kajian lepas, masalah untuk regulasi emosi dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas menyebabkan masalah sosialisasi, masalah tingkah laku, masalah emosi, masalah prestasi dan masalah kognitif (Bryan et al. 2004). Masalah ini memberi kesan negatif kepada golongan murid bermasalah pembelajaran, terutamanya dalam aspek pembelajaran dan hubungan sosial (Bryan et al. 2004). Kesan masalah regulasi emosi yang boleh dikenal pasti adalah masalah sosialisasi. Reed et al. (2011) melaporkan kurang daripada 20% murid berkeperluan pendidikan khas dapat membina persahabatan. Litvack et al. (2011) mendapati satu pertiga daripada peserta kajian mereka yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi menyatakan bahawa mereka tidak banyak berinteraksi dengan rakan sebaya yang kurang upaya. Selain itu, Ladd dan Troop-Gordon (2010) mendapati murid yang agresif lebih berkemungkinan diasingkan oleh rakan sebaya. Khoo dan Alias (2014) juga mendapati kesukaran membina interaksi sosial dengan rakan sebaya boleh menyebabkan murid berkeperluan pendidikan khas mengalami masalah pengasingan sosial. Penolakan daripada rakan sebaya boleh mendatangkan kesan negatif kepada perkembangan psikososial murid berkeperluan pendidikan khas. De Boer et al. (2012) juga menjelaskan bahawa kemahiran sosial yang lemah dalam kalangan murid

berkeperluan pendidikan khas boleh menyebabkan kesunyian, kekurangan kawan, dan menyebabkan mereka berisiko menjadi mangsa buli.

Kesan kedua masalah regulasi emosi adalah masalah tingkah laku. Ahmad dan Hanifah (2015) mendapati tingkah laku bermasalah dan ketidakseimbangan emosi boleh mengganggu aktiviti harian seperti proses pembelajaran di sekolah. Adeli (2002) mendapati 80% murid berkeperluan pendidikan khas mengalami masalah tingkah laku, seperti agresif, negatif sosial, dan masalah pengurusan diri yang berkait rapat dengan masalah emosi. Kesan ketiga masalah regulasi emosi adalah masalah emosi yang berpanjangan. Murid berkeperluan pendidikan khas cenderung menghadapi masalah pengawalan emosi atau proses mengubah suai emosi dengan sewajarnya. Akibatnya, tahap regulasi emosi yang rendah boleh mengakibatkan masalah emosi yang berpanjangan (Mazefsky et al. 2013).

Kesan keempat masalah regulasi emosi adalah masalah pekerjaan. Kajian lepas mendapati ramai graduan pendidikan khas tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam pekerjaan, penglibatan sosial dalam masyarakat, hidup berdikari selepas pendidikan lepas menengah kerana cabaran yang berkaitan dengan perkembangan kemahiran sosial, komunikasi dan penyesuaian (Chen et al. 2018). Kesan kelima pula merupakan masalah kognitif. Goleman (1998) melaporkan bahawa kebolehan menilai, mengatasi, mengurus dan meluahkan emosi mengikut situasi adalah prasyarat kecerdasan intelek. Beliau juga berpendapat bahawa kecerdasan intelek dan fungsi emosi adalah saling berkait. Pada masa yang sama, Tajik-Parvinchi, et al. (2021) menyatakan kecerdasan kognitif adalah diperlukan untuk mengatasi masalah regulasi emosi.

1.2.3 Aktiviti yang sedang dijalankan di sekolah

Berdasarkan analisis dokumen Garis Panduan Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) Pendidikan Khas yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), terdapat enam domain yang perlu dikuasai oleh murid berkeperluan pendidikan khas di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) atau Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sebelum meneruskan sesi pembelajaran di sekolah menengah. Enam domain tersebut merupakan domain kognitif, domain bahasa dan komunikasi, domain sosio emosi, domain kemahiran motor halus dan domain kemahiran motor kasar. Sungguhpun program LINUS sudah tidak diteruskan, domain yang sama masih digunakan dalam pentaksiran bilik darjah (PBD). Bahkan, pentaksiran bilik darjah (PBD) memberi kelonggaran kepada guru matapelajaran untuk berbincang dan merancang bersama guru matapelajaran yang lain untuk membina aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan murid berkeperluan khas. Guru juga boleh mengabungkan dua atau lebih mata pelajaran sewaktu melaksanakan PBD. Secara amnya, guru tidak terikat untuk melaksanakan lima aktiviti teras yang diunjurkan oleh Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu projek mudah, bercerita, permainan, main peranan dan kuiz.

Pihak sekolah juga diberikan autonomi untuk melaksanakan PBD di sekolah mengikut kesesuaian. Sekolah dibenarkan untuk menggunakan instrumen bersesuaian seperti instrumen sedia ada LINUS Pendidikan Khas, Instrumen Domain Pendidikan Khas, dan senarai Semak LINUS. Berdasarkan dokumen Garis

Panduan Saringan LINUS Pendidikan Khas (2013) kaedah pelaksanaan yang disarankan dalam buku panduan ini merujuk kepada dua aktiviti iaitu (1) projek khas dan (2) kaedah gabung jalin dalam mata pelajaran. Merujuk kepada garis panduan tersebut, pelaksanaan kaedah gabung jalin merujuk kepada penyatuan mana-mana mata pelajaran mengikut keperluan murid berkeperluan pendidikan khas. Selain itu, guru juga boleh melaksanakan aktiviti intervensi domain sosio emosi dalam bentuk menganjurkan projek khas yang dirancang seperti aktiviti lawatan, perkhemahan, gotong-royong, perkhidmatan pemulihan khusus seperti aktiviti sokongan pertuturan dan aktiviti yang bersesuaian kepada murid berkeperluan pendidikan khas (Garis Panduan Saringan Linus Pendidikan Khas, 2016). Berdasarkan analisis dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pengurusan Kehidupan (2014), fokus pengurusan emosi bagi intervensi domain sosio emosi dalam kurikulum sedia ada adalah sedikit. Dapatan analisis menunjukkan kaedah pengurusan emosi hanya terdapat dalam kurikulum Tahun 4 iaitu standard pembelajaran 3.1.3.

1.2.2 Modul Regulasi Emosi dan Modul Terapi BatikRia

Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam meregulasi emosi berdasarkan minat dan keperluan peribadi. Gina dan Fitriani (2023) menyatakan bahawa seseorang mungkin memerlukan pendekatan yang berbeza untuk mengurus emosi mereka. Oleh itu, penting untuk mempelbagaikan strategi regulasi emosi agar lebih sesuai dengan keperluan individu. Emosi yang diluahkan melalui tingkah laku positif atau negatif merupakan sebahagian daripada pengalaman dalaman yang cuba diekspresikan oleh individu (Purwadi et al., 2019). Sehubungan itu, pelbagai modul telah dibangunkan oleh pengkaji terdahulu bagi menyokong proses pengurusan emosi secara sistematik. Lima modul yang dikenalpasti antaranya: (1) The Zones of Regulation oleh Kuypers (2011) yang menggunakan empat zon berwarna untuk

membantu individu memahami dan mengurus emosi; (2) Modul Psikoedukasi oleh Indika (2013) yang ditujukan kepada kanak-kanak dengan kerencatan mental untuk mengenali dan mengekspresikan emosi; (3) Modul *Self-Regulation of Emotion* oleh Purwadi et al. (2018) bagi remaja agresif yang menekankan kesedaran terhadap tingkah laku dan perancangan perubahan; (4) Modul oleh Gina dan Fitriani (2023) yang merangkumi tujuh sesi latihan emosi untuk remaja menggunakan pelbagai teknik seperti permainan, afirmasi dan refleksi; dan (5) Modul *Learning Emotional Skills with QTROBOT* oleh LuxAI (2018), yang menggunakan robot AI untuk mengajar kemahiran emosi kepada kanak-kanak termasuk mereka yang berada dalam Spektrum Autisme. Berbanding modul-modul sedia ada, Modul terapi BatikRia untuk regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas di program pendidikan khas integrasi masalah pembelajaran, menawarkan pendekatan yang berbeza dengan menggabungkan psikologi warna, bentuk dan garisan dalam seni batik untuk menyokong regulasi emosi murid berkeperluan khas. Modul ini memfokuskan kepada emosi positif seperti tenang dan gembira, dan menekankan ekspresi emosi melalui aktiviti seni seperti melukis, mencanting, dan mewarna corak batik. Ia disusun berdasarkan Model Empat Cabang Mayer dan Salovey (1997), meliputi komponen mengenal, menggunakan, memahami dan mengurus emosi.

1.3 Pernyataan Masalah

Seseorang dikatakan tidak mampu mengawal emosi ketika mereka berada di luar rasional pemikiran (Jamil et al. (2023). Namun begitu, Mathilayagan dan Toran (2023) melaporkan bahawa, kemampuan individu dengan kelainan upaya Autisme untuk mengungkap dan mengekspresi emosi mereka berdasarkan situasi menjadi penghalang kepada mereka untuk menyampaikan emosi yang sedang dialami.

Hal ini kerana, sistem korteks yang mempunyai kefungsiannya untuk komunikasi dan sosial, tingkah laku, perhatian, pergerakan dan regulasi emosi pada bahagian otak kanak-kanak autisme dilaporkan mengalami keabnormalan (Daulay, 2017). Selain daripada itu, Akhmetzyanova dan Artemyeva (2023) menyatakan bahawa, murid berkeperluan pendidikan khas yang mengalami masalah pertuturan juga, secara tidak langsung mempunyai kesukaran untuk menyatakan emosi mereka, manakala murid autisme yang tidak mampu bertutur bagi mengungkapkan emosi mereka, kebiasaannya mengambil jalan mudah dengan mengasingkan diri dari individu di sekeliling. Secara amnya, murid berkeperluan pendidikan khas mengalami kesukaran dari aspek emosi dan menghadapi emosi negatif seperti depresi, kebimbangan, kemurungan berbanding murid tipikal (Khasawneh, 2024). Menurut Cavioni et al. (2017) menjelaskan murid berkeperluan pendidikan khas bukan sahaja menghadapi masalah sosial dan emosi malah turut mempunyai masalah dari segi tingkah laku. Hal ini berpunca daripada intervensi terhadap murid berkeperluan pendidikan khas hanya memberi fokus utama kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira, tetapi sedikit perhatian terhadap intervensi aspek emosi dan sosial (Cavioni et al., 2017). Masalah ini juga amat ketara di Malaysia. Secara am, Program Pendidikan Khas Malaysia masih kekurangan sumber rujukan berkenaan pengurusan regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas. Menurut Wahab et al. (2017), pendidikan di Malaysia masih belum ada spesifik subjek yang memberi fokus kepada pendidikan sosial dan emosi. Namun begitu, murid berkeperluan Pendidikan khas memerlukan pendidikan berkaitan pengurusan emosi agar mereka mampu menguruskan emosi negatif.

Kekurangan latihan guru dari aspek pengurusan emosi murid khas, kekurangan kaunselor sekolah terlatih untuk murid berkeperluan pendidikan khas, dan juga bilangan ahli psikiatri dan ahli terapi yang amat sedikit di Malaysia

menunjukkan kekangan dan jurang yang besar wujud dari segi intervensi regulasi emosi untuk murid berkeperluan pendidikan khas. Justeru itu, Modul Terapi BatikRia ini dibina sebagai satu sumber intervensi regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas di sekolah dan sebagai bahan rujukan kepada guru pendidikan khas di sekolah. Kajian yang berfokus kepada penyelidikan keberkesanan modul ini adalah penting memandangkan kaedah ini masih tiada lagi kajian saintifik yang mengesahkan keberkesanan penggunaan kaedah seni batik untuk tujuan regulasi emosi.

Tambahan lagi, kajian pembinaan modul dan penyelidikan keberkesanan ini adalah perlu bagi mengenal pasti setakat mana perlaksanaan intervensi terapi batik ini adalah menepati prinsip asas pembinaan modul untuk memastikan keberkesanan dan kelestarian modul ini untuk penggunaan secara lebih meluas di Malaysia dan rantau Nusantara.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan membina modul Terapi BatikRia untuk tujuan regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran di sekolah rendah.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan, maka kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan keperluan pembinaan modul terapi batik untuk regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Rendah. Objektif kajian telah dibina mengikut fasa iaitu Fasa 1: (Analisis Keperluan), Fasa 2 (Proses Reka Bentuk dan Pembangunan) dan Fasa 3 (Proses Implimentasi dan Penilaian).

Fasa 1: Analisis Keperluan

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru pendidikan khas terhadap kaedah pengajaran regulasi emosi terhadap murid berkeperluan pendidikan khas.
2. Mengenal pasti sumber pengetahuan guru pendidikan khas terhadap kaedah pengajaran regulasi emosi terhadap murid berkeperluan pendidikan khas.
3. Mengenal pasti tahap kesedaran guru pendidikan khas terhadap kaedah pengajaran regulasi emosi terhadap murid berkeperluan pendidikan khas.

Fasa 2: Reka Bentuk Dan Pembangunan Modul

4. Menentukan struktur Modul Terapi BatikRia berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi.
 - a. Mengenalpasti objektif modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar.
 - b. Mengenalpasti isi kandungan modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar.
 - c. Mengenalpasti strategi pengajaran dan pembelajaran modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar.
 - d. Mengenalpasti pemilihan aktiviti modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar.
 - e. Mengenalpasti kaedah penilaian modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar.
 - f. Mengenalpasti elemen seni dan psikologi yang sesuai mengikut pandangan pakar.

5.Mengenalpasti kebolehlaksanaan modul Terapi BatikRia yang telah direka bentuk dan dibangunkan mengikut perspektif pakar.

Fasa 3: Penilaian

6.Menguji kesan Modul Intervensi Terapi Batik terhadap regulasi emosi murid berkeperluan Pendidikan Khas sekolah rendah.

- a. Kesan ke atas domain regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas sekolah rendah.
- b. Kesan ke atas domain labiliti negatif murid berkeperluan pendidikan khas sekolah rendah.

7.Mengenalpasti tahap kebolegunaan modul Terapi BatikRia berdasarkan maklum balas guru.

8.Meneroka perspektif guru terhadap kesan modul intervensi Terapi BatikRia terhadap regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas.

- a. Meneroka pandangan guru berkenaan kesan modul Terapi BatikRia terhadap regulasi emosi (domain regulasi emosi dan domain labiliti negatif) murid berkeperluan pendidikan khas.Meneroka kekuatan dan kekurangan modul Terapi BatikRia dari aspek kejelasan arahan dan sumber pengajaran.
- b. Meneroka kekuatan dan kekurangan modul Terapi BatikRia dari aspek kejelasan arahan dan sumber pengajaran.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian telah dibina mengikut fasa iaitu Fasa 1: (Analisis Keperluan), Fasa 2 (Proses Reka bentuk dan Pembangunan) dan Fasa 3 (Proses Implimentasi dan Penilaian).

Fasa 1: Analisis Keperluan

1. Apakah tahap pengetahuan guru pendidikan khas terhadap kaedah pengajaran regulasi emosi terhadap murid berkeperluan pendidikan khas?
2. Apakah tahap sumber pengetahuan guru pendidikan khas terhadap kaedah pengajaran regulasi emosi terhadap murid berkeperluan pendidikan khas?
3. Apakah tahap kesedaran guru pendidikan khas terhadap kaedah pengajaran regulasi emosi terhadap murid berkeperluan pendidikan khas?

Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

4. Apakah reka bentuk dan pembangunan Modul Terapi BatikRia yang bersesuaian berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi?
 - a. Apakah objektif modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar?
 - b. Apakah isi kandungan modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar?
 - c. Apakah strategi pengajaran dan pembelajaran modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar?
 - d. Apakah aktiviti modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar?
 - e. Apakah kaedah penilaian modul Terapi BatikRia yang sesuai mengikut pandangan pakar?
 - f. Apakah elemen seni dan psikologi yang sesuai mengikut pandangan pakar?
5. Apakah tahap min kebolehaksanaan modul Terapi BatikRia menurut pandangan pakar?

Fasa 3: Penilaian

6. Apakah kesan Modul Intervensi Modul Terapi BatikRia terhadap regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas sekolah rendah?
 - a. Apakah kesan ke atas domain regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas sekolah rendah?
 - b. Apakah kesan ke atas domain labiliti negatif murid berkeperluan pendidikan khas sekolah rendah?
7. Apakah tahap kebolehgunaan modul Terapi BatikRia berdasarkan maklum balas guru?
8. Bagaimanakah perspektif guru terhadap kesan modul intervensi Terapi BatikRia terhadap regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas?
 - a. Bagaimanakah pandangan guru berkenaan kesan modul Terapi BatikRia terhadap regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas?
 - b. Adakah terdapat kekuatan dan kelebihan modul Terapi BatikRia dari aspek kejelasan arahan dan sumber pengajaran?

1.6 Rasional Kajian

Kajian ini dijalankan kerana perkembangan emosi merupakan peringkat pertumbuhan yang perlu untuk setiap individu. Kesan daripada tidak melaksanakan pendidikan pengurusan emosi dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas.

memberi kesan kepada masalah kognitif, masalah emosi, masalah prestasi kerja, masalah tingkah laku dan masalah sosialisasi. Faktor penyebab mengapa masalah emosi dalam murid berkeperluan pendidikan khas adalah kerana faktor neurologi, faktor pertumbuhan dan perkembangan yang tidak seiring dengan usia, faktor penolakan daripada rakan sebaya, faktor ibu bapa dan faktor guru pendidikan khas.

Berdasarkan dapatan kajian Barkauskien dan Bieliauskaite (2002), kanak-kanak kurang upaya pembelajaran mengalami mempunyai lebih banyak masalah dalaman seperti aduan somatik, pengasingan, ketakutan dan kemurungan manakala masalah luaran seperti agresif dan nakal serta masalah sosial. Hassan (2015) dalam kajiannya telah menyenaraikan masalah emosi yang timbul dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas adalah kurang rasa keyakinan diri, masalah pemikiran, tumpuan yang lemah, kurang interaksi, kurang harga diri, kesedihan, kekeliruan emosi, gangguan emosi, sukar mengekspresi emosi, eksploitasi orang lain, depresi, berbohong, keliru, maniac, halusinasi. Wiig dan Harris (1974) pula menyatakan murid bermasalah pembelajaran kurang upaya untuk mengenali ekspresi emosi seperti kemarahan, ketakutan, kegembiraan, dan rasa malu.

Kekurangan sumber rujukan menimbulkan kekangan kepada guru pendidikan khas untuk menilai dan melaksanakan kaedah intervensi yang bersesuaian dengan regulasi sosio-emosi murid berkeperluan pendidikan khas. Bahkan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga didapati memberi penekanan terhadap keperluan kecerdasan emosi terkandung dalam bahagian aspirasi murid; tetapi isu ini tidak diterangkan secara lebih mendalam dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kekurangan sumber dan bahan rujukan tempatan yang mengintergrasikan unsur budaya dalam intervensi psikologi di sekolah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Sungguhpun Bahagian

Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia (BPKKPM) 2016 telah membukukan strategi intervensi untuk kesemua domain termasuk sosioemosi di dalam Garis Panduan Pentadbiran Saringan LINUS Pendidikan Khas; namun begitu, kaedah yang digunakan untuk regulasi emosi hanya terbatas kepada dua contoh sahaja iaitu projek khas gabung jalin matapelajaran. Bahkan, sehingga kini masih tiada lagi subjek yang khusus bagi pengurusan emosi diwujudkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bermasalah Pembelajaran, sebaliknya hanya tajuk kecil berkaitan pembelajaran emosi digabungkan ke dalam subjek pengurusan diri di bawah komponen matapelajaran pengurusan kehidupan.

Justeru itu, pengkaji telah mencadangkan pembinaan modul terapi BatikRia bagi mempelbagaikan kaedah intervensi bagi masalah emosi murid berkeperluan pendidikan khas. Modul terapi BatikRia yang dikaji dalam kajian ini dibina berdasarkan satu model teoritikal yang kukuh untuk tujuan regulasi emosi. Sebagai contoh, model psikologi bagi regulasi emosi adalah model empat cabang yang diasaskan oleh Mayer dan Salovey (1997). Menurut Mayer dan Salovey (1997), kecerdasan dan emosi mempunyai definisi yang berlainan. Emosi ditakrifkan sebagai tindak balas perasaan terhadap satu kejadian di dalam sebuah perhubungan, manakala kecerdasan adalah kebolehan seseorang untuk membuat pertimbangan secara logik akal terhadap sesuatu perkara yang terjadi. Secara amnya, kecerdasan emosi merujuk kepada kebolehan seseorang untuk mengenali emosi dan menggunakan emosi tersebut sehingga mereka faham bagaimana pengetahuan tersebut mampu dipraktikkan sebagai kaedah meregulasi emosi sendiri, Mayer dan Salovey (1997).

Di samping itu, model kecerdasan emosi ini terbahagi kepada dua iaitu kemahiran intrapersonal dan kemahiran interpersonal. Kemahiran intrapersonal merupakan kebolehan seseorang itu untuk memahami diri sendiri serta mampu

menguruskan emosi dan memotivasikan diri. Manakala, kemahiran interpersonal adalah wujudnya sifat empati iaitu memahami perasaan seseorang dan mampu bertindak secara wajar mengikut situasi sewaktu proses interaksi. Mayer dan Salovey (1997) menyatakan bahawa, tingkat kecerdasan emosi seseorang akan meningkat seiring dengan usia biologi dan pengalaman berkaitan emosi.

Model Empat Cabang oleh Mayer dan Salovey (1997) meliputi empat cabang. Cabang pertama menjelaskan kepada kemampuan untuk mengenali dan mengenal pasti emosi iaitu kebolehan untuk mengetahui perasaan diri sendiri dan individu sekeliling. Cabang kedua mentafsirkan kepada kemampuan menggunakan emosi dalam pemikiran iaitu kebolehan untuk membina sesuatu emosi dan menyatakan sebab mengapa emosi itu terhasil. Cabang ketiga merupakan kemampuan untuk memahami emosi iaitu kebolehan untuk mengetahui rangkaian emosi dan emosi yang kompleks serta mengetahui bagaimana tahap perubahan sesuatu emosi berlaku. Cabang keempat mewakili pengurusan emosi iaitu kebolehan untuk menguruskan emosi diri sendiri dan orang lain.

Penyelidik akan memberi fokus kepada ke empat-empat cabang ini dalam pembinaan modul terapi batik yang diusulkan. Memandangkan integrasi model ini dalam Terapi Batik masih belum dikaji sebelum ini, pengkaji berhasrat untuk mengkaji kebolehgunaan model ini bagi membina sebuah modul terapi batik berdasarkan keempat-empat domain yang mempraktikan beberapa aktiviti tertentu iaitu tugas muka (*face task*), tugas bergambar (*picture task*), tugas sensasi (*sensation task*), tugas perubahan (*changes task*) dan tugas hubungan emosi (*emotional relation task*). Oleh itu, memandangkan dapatan kajian lepas telah melaporkan bahawa penggunaan Model Empat Cabang oleh Mayer dan Salovey (1997) berkesan sebagai satu rangka intervensi regulasi emosi, pengkaji

berhasrat untuk mempraktikkan model ini dalam aktiviti seni batik bagi menguji keberkesanan pelaksanaannya terhadap regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran di sekolah rendah, melalui aktiviti yang bercorak terapi seni batik.

1.7 Kepentingan Kajian

Ratnam, Alias dan Toran (2018) menegaskan murid berkeperluan pendidikan khas perlu dibantu untuk menangani masalah mereka dari segi sosial, emosi, tingkah laku dan akademik. Penemuan kajian ini bukan sahaja bermanfaat kepada murid berkeperluan pendidikan khas, tetapi juga memberi sumbangan yang signifikan kepada pihak-pihak berkepentingan utama dalam bidang pendidikan, termasuk pihak pembuat polisi pendidikan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Bagi pihak pembuat polisi pendidikan, dapatan kajian ini memberikan panduan yang penting dalam usaha meningkatkan sistem pendidikan untuk merangkumi keperluan murid berkeperluan pendidikan khas. Kajian ini menyoroti pentingnya memahami keperluan unik murid berkeperluan pendidikan khas dan memberikan sokongan yang sesuai untuk membolehkan mereka mencapai potensi maksimum mereka dalam pembelajaran. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dapat menggunakan dapatan ini sebagai panduan untuk merangka dasar dan program yang lebih baik untuk murid berkeperluan pendidikan khas dalam aspek regulasi emosi.

Selain itu, kajian ini memberikan maklumat yang berharga kepada guru pendidikan khas. Penemuan kajian ini akan membantu meningkatkan kemahiran guru-guru ini dalam mengajar regulasi emosi kepada murid mereka melalui aktiviti

seni batik. Guru akan dapat mengambil panduan dan modul yang telah disediakan oleh kajian ini untuk meningkatkan pendekatan pengajaran mereka dalam membantu murid berkeperluan pendidikan khas dalam mengatur emosi mereka dengan lebih baik.

Kajian ini juga menyediakan pandangan yang lebih mendalam mengenai Terapi BatikRia sebagai kaedah yang berpotensi dalam mengajar pengawalan emosi kepada murid berkeperluan pendidikan khas. Terapi BatikRia adalah satu pendekatan yang menggabungkan seni batik dengan terapi untuk membantu pelajar mengenali dan menguruskan emosi mereka. Dengan menyediakan pemahaman dan modul yang berkaitan, kajian ini memberi peluang kepada guru-guru pendidikan khas untuk memahami dan mengaplikasikan kaedah ini dengan lebih berkesan dalam bilik darjah.

Lebih-lebih lagi, penemuan kajian ini akan memberi manfaat langsung kepada murid berkeperluan pendidikan khas. Mereka akan mendapati sokongan yang lebih baik dalam menguruskan emosi mereka dan memahami cara untuk menghadapi pelbagai situasi dalam persekitaran pembelajaran. Ini akan memberi mereka peluang yang lebih baik untuk mencapai kejayaan akademik dan berkembang dalam aspek sosial dan emosi. Kesimpulannya, kajian ini adalah satu langkah yang penting dalam usaha untuk membantu murid berkeperluan pendidikan khas mencapai potensi maksimum mereka. Dengan memberikan panduan kepada pihak pembuat polisi pendidikan, guru-guru pendidikan khas, dan murid berkeperluan pendidikan khas sendiri, kajian ini telah membawa perubahan yang positif dalam pendekatan pendidikan untuk murid ini. Dapatan kajian ini adalah aset yang sangat berharga dalam menjadikan sistem pendidikan lebih

inklusif dan lebih responsif terhadap keperluan unik murid berkeperluan pendidikan khas.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan memfokuskan kepada penambahbaikan dalam pendekatan pedagogi dan bahan pengajaran untuk regulasi emosi. Kajian ini juga memfokuskan kepada peningkatan tahap regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas dan tahap pengetahuan guru berkenaan kaedah mengajar regulasi emosi murid berkeperluan pendidikan khas berdasarkan kajian eksperimen tunggal di beberapa buah sekolah.

1.9 Definisi istilah Operasi

Menurut Saleh (2018) definisi operasi menjelaskan istilah penting dalam kajian agar pembaca dapat memahami kajian ingin yang dijalankan.

1.9.1 Batik

Dictionary of Scientific and Technical Terms (1978) memberi istilah batik mengandungi dua makna iaitu, (1) teknik mencorak yang digolongkan ke dalam teknik resis, dan (2) kain yang dicorakkan dengan teknik yang berkenaan iaitu teknik batik. Dalam kajian ini, batik merujuk kepada resis kanji dengan mengintegrasikan terapi seni batik yang mempraktikkan unsur corak berdasarkan psikologi serta sensori koordinasi mata dan tangan

1.9.2 Terapi Batik

Terapi batik berfungsi menyelesaikan konflik emosi, meningkatkan kesedaran sendiri, mengembangkan kemahiran sosial, mengawal tingkah laku, menyelesaikan masalah, mengurangi ketakutan, hidup dalam realiti dan meningkatkan penghargaan sendiri (Mukhlis, 2011; Case dan Dalley, 1992). Dalam

kajian ini, terapi BatikRia yang akan dipraktikan adalah berunsurkan psikologi warna, bentuk dan garisan yang mempunyai kaitan dengan unsur emosi.

1.9.3 Regulasi Emosi

Regulasi emosi merujuk kepada kebolehan individu untuk menilai, mengatasi, mengelola dan menyatakan emosi mereka berdasarkan sesebuah situasi bagi mencapai keseimbangan emosi (Gross, 2002). Regulasi emosi dalam kajian ini memberi fokus kepada domain regulasi emosi dan domain labiliti emosi yang terkandung di dalam Senarai Semak Kawalan Emosi (Jamal et al. 2021). Domain regulasi emosi merujuk kepada kebolehan untuk menunjukkan emosi yang sesuai mengikut situasi, perasaan empati, kesedaran diri sendiri terhadap emosi. Domain labiliti negatif merujuk kepada kepekaan yang terlampau terhadap perubahan di sekelilingnya dan sangat bertindak balas terhadap situasi buruk. Menurut Shields dan Cicchetti (2001), labiliti negatif merujuk kepada ketidakmampuan untuk bersikap fleksibel terhadap sesuatu perkara, labiliti mood, dan tindak balas emosi negatif yang tidak terkawal.

1.9.4 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Murid berkeperluan pendidikan khas di Malaysia terdiri daripada murid kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya pelbagai dan masalah pembelajaran seperti Autism, Sindrom Down, Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif dan Disleksia (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Dalam kajian ini, murid berkeperluan pendidikan khas merujuk kepada murid yang telah diperakui oleh pengamal perubatan mempunyai ketidakupayaan kategori masalah pembelajaran dan perlu mengikuti sesi